

**KONTRAK KERJA**

**MENJAHIT PAKAIAN**

antara

(Peserta )

.....

dengan

(Pihak Syarikat)

.....

---

Pada hari ini, .....(tarikh) ..... (hari ) saya / kami yang bertandatangan di bawah ini:

Nama : .....

Alamat : .....

Telefon : .....

Dalam hal ini bertindak sebagai peserta dan selanjutnya disebut sebagai **Pihak Pertama.**

dan

Nama : .....

Alamat : .....

Telefon : .....

Syarikat : .....

Dalam hal ini bertindak atas nama Perusahaan dan selanjutnya disebut sebagai **Pihak Kedua.**

Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mengadakan ikatan Kontrak Pelaksanaan Pekerjaan secara *home working* yang dimiliki oleh Pihak Kedua yang beralamat di .....

.....  
.....  
.....

Pihak Pertama bersedia untuk melaksanakan kerja tersebut dengan ketetapan seperti berikut :

**1) Tujuan Kontrak**

Tujuan kontrak ini diwujudkan untuk Pihak Pertama melaksanakan kerja menjahit pakain yang beralamat di.....

**2) Jenis Pekerjaan**

Pekerjaan yang akan dilakukan oleh Pihak Pertama adalah seperti berikut:

- i. Menjahit butang
  - ii. Menjahit kolar
  - iii. Menjahit tepi
- } Contoh

**3) Syarat Kontrak Kerja**

Sistem pekerjaan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak adalah tidak mengikat (binding) di antara satu sama lain.

- i) Pihak Kedua tidak berkewajipan untuk membekalkan kerja secara tetap dan berterusan kepada pihak pertama.
- ii) Pihak pertama tidaklah berhak menuntut kerja secara tetap dan berterusan daripada pihak kedua kerana kerja ini dilakukan secara sukarela bertujuan untuk memberi pendapatan kepada pihak pertama.
- iii) Kedua-dua pihak bersetuju untuk melakukan kerja ini demi kebaikan bersama .

**4) Upah**

- i. Pihak pertama berhak mendapat upah ke atas kerja-kerja yang disiapkan sebanyak RM..... untuk sehelai.
- ii. Sekiranya kerja-kerja yang dibekalkan tidak dapat disempurnakan dalam jumlah dan tempoh yang ditetapkan bakinya hendaklah dipulangkan tanpa dikenakan sebarang denda oleh Pihak Kedua
- iii. Bagi sebahagian daripada kerja-kerja yang telah disempurnakan pihak pertama berhak mendapat upah ke atasnya.

**5) Waktu Kerja**

- i. Waktu kerja adalah mengikut masa kelapangan peserta, tetapi;
- ii. Kerja-kerja yang dibekalkan hendaklah disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan pihak kedua.

**6) Terma Pelbagai (Variation Of Terms)**

- i)** Pihak Pertama bertanggungjawab menanggung kos utiliti seperti bekalan air, elektrik, sewa dewan dan telefon (jika ada) sekiranya kerja-kerja dilakukan secara berkumpulan di pusat komuniti atau di premis yang telah dipersetujui.
- ii)** Pihak Pertama, di samping tanggungjawab di atas adalah berperanan untuk;
  - a) Melakukan kerja-kerja sepertimana yang dikehendaki oleh pihak syarikat dengan baik dan sempurna dalam tempoh tertentu yang dikehendaki sebagai balasan kepada upah yang telah ditetapkan mengikut kadar yang telah dipersetujui secara bersama;
  - b) Mengikuti latihan yang dijalankan oleh Pihak Kedua (jika ada) untuk melakukan kerja dengan betul dan selamat
  - c) Melantik seorang wakil yang bertindak sebagai ketua kumpulan bagi kerja-kerja yang dijalankan secara berkumpulan. Ia bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penyeliaan serta berurusan dengan Pihak Kedua berkaitan hal upah sama ada dibayar secara terus daripada atau melalui wakil, menetapkan bayaran elaun penyeliaan kepada wakil atau ketua (jika perlu) dan dipersetujui bersama
  - d) Menjaga keselamatan barang-barang dan peralatan yang dibekalkan dengan sempurna (jika dibekalkan)
- iii)** Pihak Kedua adalah bertanggungjawab menghantar dan mengambil barang-barang yang perlu disiapkan ke premis di mana kerja-kerja dijalankan.
- iv)** Pihak Kedua, di samping tanggungjawab di atas adalah berperanan untuk;
  - a) Menawarkan kerja yang sesuai dengan kemampuan peserta
  - b) Memberikan latihan yang sewajarnya (jika perlu) kepada peserta sebelum menjalankan tugas.
  - c) Mendapatkan persetujuan berkaitan hal pembayaran upah sama ada dibayar secara terus daripada syarikat atau melalui wakil kumpulan sekiranya kerja-kerja dijalankan secara berkumpulan
  - d) Menyediakan peralatan kerja, jika perlu

Pihak Pertama dan Pihak Kedua dengan ini memahami segala isi kandungan kontrak ini dan bersetuju untuk menjalankan kerja secara *homeworking*.

Pihak Pertama

Pihak Kedua

( ..... )

( ..... )

.....

.....